



**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN AWAM**  
**MAJLIS DAERAH MERSING**  
**PADA 30 DISEMBER 2020 (RABU)**

---

1. Hendaklah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas.
2. Lelongan adalah berdasarkan pembidaan melalui tawaran bidaan tertinggi dari harga rizab atau harga yang ditentukan oleh pelelong.
3. Pembida yang berminat hendaklah menyediakan **WANG DEPOSIT RM200.00** untuk setiap lot yang hendak dibida semasa pendaftaran.
4. Wang deposit akan dipulangkan kembali untuk setiap bidaan yang gagal.
5. Pembida yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran **SECARA TUNAI** sepenuhnya pada hari lelongan. Sebarang pembayaran selain **TUNAI TIDAK AKAN DITERIMA.**
6. Haiwan-haiwan yang dilelong adalah seperti sedia ada sebagaimana yang dipamer untuk lelongan.
7. Urusan pengangkutan haiwan lelongan adalah tanggungjawab pembida yang berjaya itu sendiri.
8. Bayaran penuh haiwan lelongan hendaklah dijelaskan sebelum jam 2.00 petang pada hari yang sama. Sekiranya, pembida yang berjaya gagal menjelaskan bayaran tersebut lelongan haiwan akan terbatal dan deposit tidak akan dipulangkan.
9. Pembida yang berjaya perlu mengalihkan haiwan lelongan daripada tempat penyimpanan haiwan sebelum jam 4.00 petang.
10. Sekiranya, pembida yang berjaya gagal untuk mengalihkan haiwan tersebut sebelum jam 4.00 petang, pembida hendaklah berurusan

sendiri dengan pihak majlis untuk bayaran tambahan bagi penyimpanan haiwan lelongan.

11. kegagalan menuntut / mengambil haiwan-haiwan selepas tempoh yang ditetapkan tamat akan dianggap **TERBATAL** dan wang pembelian **TIDAK** akan dikembalikan.
12. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB RUGI** di atas kerosakan dan / atau kehilangan haiwan-haiwan sebelum / semasa / selepas lelongan dan selepas tamat tempoh tuntutan haiwan-haiwan yang dilelong.
13. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** jika terdapat kekhilafan pada gambar-gambar paparan dalam paparan laman sesawang dan / atau mana-mana paparan pemberitahuan dengan haiwan-haiwan yang dilelong.
14. Semua aset adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as - is - where - is basis*)
15. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa tindakan dan / atau pendakwaan kesalahan bagi haiwan-haiwan yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
16. Haiwan-haiwan yang telah dibida **TIDAK BOLEH** dipulangkan kepada Majlis.
17. Majlis berhak membuat apa-apa keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah berkaitan dengan lelongan dan keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD.**
18. Ahli Majlis dan Wargakerja atau kakitangan Majlis Daerah Mersing serta ahli keluarganya **TIDAK LAYAK** untuk membida.